

Jadi Muslimin sejati

Kita percaya sebagai umat Islam, tanggungjawab kita ialah untuk menyempurnakan hukum-hukum Islam dan jika kita menghadapi kebuntuan, sesungguhnya Allah akan membuka jalan kalau kita bertawakal kepada-Nya

- Najib Tun Razak

PEKAN 30 Sept. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan umat Islam negara ini agar tidak lalai menjalankan tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslimin sejati.

Beliau berkata, tanggungjawab dan amanah yang dipikul perlu dilaksanakan dengan sempurna dalam usaha melahirkan masyarakat Islam yang cemerlang dan berilmu pengetahuan.

"Kita percaya sebagai umat Islam, tanggungjawab kita ialah untuk menyempurnakan hukum-hukum Islam dan jika kita menghadapi kebuntuan, sesungguhnya Allah akan membuka jalan kalau kita bertawakal kepada-Nya," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada Majlis Penyerahan Zakat oleh Affin Bank Berhad, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Affin Bank, Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar dan Exco Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Ishak Muhamad.

Menurut Najib, pengertian Islam itu sendiri boleh dikupas melalui pendekatan Islam Had-

hari yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Jelas beliau, menerusi Islam Hadhari, kerajaan berusaha untuk memperkasakan umat Islam di negara ini agar mereka dapat dibentuk sebagai masyarakat yang ikhlas dan memiliki pegangan yang teguh.

Najib turut menegur segelintir masyarakat Islam yang lalai dan tidak mengambil berat terhadap amal ibadat mereka semasa bulan Ramadan.

"Sempena Ramadan ini, jangan hendaknya kita berpuasa hanya dapat lapar dan dahaga sahaja, tetapi pahala tidak dapat kerana kita asyik duduk mengumpat orang lain.

"Dalam bulan yang mulia ini, seelok-eloknya kita menjaga mata, mulut dan telinga kita agar tidak melakukan perkara yang tidak baik," ujarnya.